



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 65 / 2020

SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI PARLIMEN P.185 BATU SAPI, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang **YB Datuk Liew Vui Keong** yang telah meninggal dunia pada **2 Oktober 2020 (Jumaat)**. Semoga keluarga mendiang tabah menghadapi kehilangan orang yang tersayang.
2. Sehubungan dengan itu, SPR telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Datuk Azhar Azizan Harun, Yang di-Pertua Dewan Rakyat** pada **6 Oktober 2020**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Parlimen P.185 Batu Sapi, Sabah**. Selaras dengan **Perkara 54 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan**, SPR akan mengadakan satu Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.
3. Justeru itu, SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas pada **13 Oktober 2020 (Selasa), jam 10 pagi** bertempat di Ibu Pejabat SPR, Menara SPR, Putrajaya. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Datuk Abdul Ghani Salleh, Pengerusi**

Suruhanjaya Pilihan Raya yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting pilihan raya kecil (PRK) seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. **Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas mesyuarat tersebut.**

Sekian, terima kasih.

IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 6 Oktober 2020 / 18 Safar 1442H